

# Mahathir kesal rencana Tamil Malar

KUALA LUMPUR, Isnin — Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kesal dengan 'kesilapan' yang dilakukan oleh akhbar Tamil Malar menyiarkan rencana yang menghina agama Islam.

"Sebagai sebuah negara berbilang bangsa dan agama, kita tidak berhak menghina agama orang lain," tegas beliau ketika diminta mengulas kedudukan akhbar tersebut selepas merasmikan Persidangan Industri Perbekalan Elektrik Rantau Timur Jauh Ketiga (CEPSI) di sini hari ini.

"Dalam konteks negara kita, bukan sahaja salah untuk kita menghina Islam tetapi juga agama-agama lain," ujar beliau sambil berharap kejadian serupa itu tidak akan berulang.

Kedudukan akhbar Tamil Malar kini bergantung kepada keputusan yang akan dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri Rabu ini selepas mendengar rayuan para pegawai kanan akhbar tersebut.

Arahan memberhentikan penerbitan akhbar tersebut dikeluarkan oleh Kementerian berkenaan Ahad lalu dan berkuatkuasa mulai semalam berikutan penyiaran sebuah rencana oleh akhbar tersebut yang disifatkan sebagai "bertentangan dengan penghormatan yang diberikan kepada Islam

sebagai agama rasmi negara ini seperti yang terkandung dalam perlembagaan."

Sementara itu, Kementerian Dalam Negeri tidak tahu mengenai sebarang pertemuan antara pegawai-pegawainya dengan pihak pengurusan Tamil Malar yang dijadualkan berlangsung hari ini.

Ketua Setiausaha Kementerian itu, Tan Sri Mohamad Osman bin Shamsuddin, yang akan bertukar ke Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Ketua Pengarah berkata, pihaknya tidak tahu mengenai perkara ini.

Penerbit akhbar Tamil Malar yang ditanung, Encik N.T.S. Arumugam Pillai seperti yang dilaporkan dalam akhbar hari ini berkata, satu mesyuarat akan diadakan hari ini antara Pengarang Urusan akhbar tersebut Encik M. Abdul Latif bersama pengurusnya, Encik C. Vadamalal dengan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri untuk merayu terhadap arahan menggantung akhbar tersebut.

Tan Sri Osman berkata, pihaknya setakat ini belum menerima apa-apa rayuan daripada pihak pengurusan Tamil Malar.

Sebarang rayuan bertulis mengenai perkara ini terpaksa dihantar secara terus kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.